



## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

### Penafian Kenaikan Kadar Fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi Kenderaan 880cc ke Atas.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menafikan bahawa terdapat pengumuman mengenai kenaikan kadar fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang melibatkan semua jenis kenderaan 880cc ke atas bermula Januari 2017. Informasi tersebut tidak tepat dan palsu telah tersebar meluas melalui media sosial dan aplikasi whatapps baru-baru ini. Jabatan ini memandang serius isu kenaikan kadar fi LKM kerana boleh menimbulkan salah faham di kalangan masyarakat awam.

Kementerian pengangkutan telah mengumumkan bahawa Roadtax kereta bermula daripada 880cc dan ke atas naik sebanyak 25%

~~Termasuklah kereta 880cc dan ke atas naik sebanyak 25% dalam Roadtax kereta bermula pada Januari 2017. Kenaikan ini termasuklah jumlah bayaran insuran yang secara automatiknya juga naik dalam 25%.~~

**PALSU**

[#syukurmalaysiamasihaman](#)

JPJ ingin menasihati orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dan mempercayai sebarang mesej melalui media sosial dan aplikasi whatapps yang tidak mempunyai sumber sah. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan orang awam dinasihatkan untuk merujuk terus kepada Jabatan ini dan tidak turut serta menyebarkan maklumat palsu tersebut.

**Ibu Pejabat,  
Jabatan Pengangkutan Jalan  
Malaysia**

28 November 2016

-TAMAT-